



**ANTOLOGI PUISI PRALINA**  
MOHAMEDLATIFF MOHAMED  
ICSDCA, Bali 1983  
79 Halaman  
Ruangan Dwibahasa  
The Straits Times, 1983

*Memperkirakan* puisi mutakhir Singapura selepas perpisahan Malaysia (1965), nama MOHAMED LATIFF MOHAMED tidaklah boleh ditinggalkan. Latiff, penulis yang amat prolific dan terus berkarya walaupun ramai lagi penulis-penulis seangkatannya tewas oleh panas kota dan deru jentera yang banyak menampilkan kesenangan-kesenangan fizikal.

Melalui karya-karya terutama puisi, Latiff sering menyatakan pandangannya yang kritis terhadap perkembangan sekitaran terutama yang menyentuh kehidupan masyarakat bangsanya. Latiff tidak sahaja memunculkan persoalan-persoalan tersebut tetapi cuba memberi pengertian dari pandangan dan tanggapan peribadinya dari sudut segala segi yang mungkin timbul dari segala perubahan yang melanda.

Dalam menyatakan semua ini, suara-suara Latiff menjadi begitu nyaring, tajam dan pedas. Latiff tidak berselindung-selindung apabila mahu menyatakan rasa jengkelnya terhadap sesuatu, apabila jiwa, pemikiran dan rasa sensitivitinya terusik dan terhimpit oleh .tindakan-tindakan serakah segolongan manusia yang menginjak kemanusiaan dan yang memperkecilkan persamaan manusia.

Dalam kata pengantar antologi 'PRALINA' yang akan diperkatakan nanti, Ramli Isin; seorang pengkaji dan pensyarah di universiti Kebangsaan Malaysia berpendapat: Masalah-masalah manusia dan persekitarannya mahupun manusia sejagat adalah menjadi garapan dan fokus dalam kebanyakan puisi yang dilahirkannya selama ini. Bagi penyair ini (Latiff) persuasanaan dan dilema-dilemnya senantiasa menyentuh dan mengilhami jiwa penyairnya yang peka atau sensitif.

Selanjutnya Ramli Isin menyebut: Satu hal, penyair muda ini (Latiff) mempunyai daya tanggap atau persepsi yang begitu tajam dan kritis, lebih-lebih lagi terhadap masalah-masalah dan persoalan-persoalan yang berlaku semasa di kalangan atau lingkungan masyarakatnya sendiri. Kelemahan dan kekurangan mendapat perhatian dari pihak berkenaan terhadap masyarakatnya sentiasa mendapat perhatian yang serius pula dari penyair ini (Latiff).

Antologi puisi 'PRALINA' yang merupakan antologi puisi perseorangan Latiff yang kedua ini diterbitkan oleh ICSDCA atau Pusat Studi Dan Pengembangan Kebudayaan Asia yang berpusat di Bali, Indonesia. Antologi ini merupakan terbitan sulung yang diusahakan oleh pusat studi ini yang akan terus menerbitkan karya-karya sasterawan dan seniman dari negara-negara Asia.

Yang membanggakan di sini, antologi puisi 'PRALINA' Latiff ini merupakan suatu pengakuan antarabangsa terhadap karya-karya sastera Melayu setempat. Dengan terbitnya 'PRALINA' oleh sebuah penerbit bertaraf antarabangsa, ini bermakna bertambahnya karya-karya sastera Melayu setempat mendapat perhatian yang sewajarnya dari masyarakat di luar Singapura. Sebelum ini novel 'Simpang Perenang' (Pustaka Melayu;1966) karya Harun Aminurrashid telah diterbitkan oleh UNESOO dalam bahasa Urdu dan Inggeris. Seyogianya dinyatakan antologi 'PRALINA' ini memuat 38 kuntum puisi pilihan Latiff yang dihasilkan antara tahun 1978 hingga 1983 dan terjemahan bahasa Inggerisnya.

Kalau kita menjenguk sepintas ke atas karya-karya LATIFF menerusi PRALINA yang bermaksud 'kehilangan' (perlina?), suara-suara Latiff tidak banyak kelainannya atau tidak banyak perubahan, baik dari segi temanya mahupun bentuknya jika dibandingkan dengan puisi-puisi beliau sebelum ini terutama di dalam antologi perseorangannya yang pertama; SEGUMPAL API SELINGKAR PELANGI.

Melalui PRALINA kita masih melihat suara-suara nostalgia Latiff pada keadaan hidup masa lampau yang telah banyak dirampas oleh angin pemodenan dan perindustrian, suara-suara Latiff yang masih merayau dan mencari pengertian hubungannya dengan Tuhan, suara-suara Latiff yang menyatakan simpatinya terhadap masyarakatnya yang tergugat dan terkejut oleh kehidupan kota kosmopolitan, suara-suara 'homage'nya, pernyataan cintanya kepada seorang kekasih dan kesan perjalanannya ke sesuatu tempat. Sekadar contoh menerusi puisi-puisinya 'Nostalgia' dan 'Geylang Serai', kita dapat melihat suara Latiff yang masih terpujau dengan manis kampungnya yang terbongkar oleh pembangunan. Pada Latiff apalah ertinya pembangunan dan pelepasan kampung halamannya andainya yang dibina semata-mata untuk mengisi keperluan-keperluan yang menyongsangkan, tidak keperluan yang benar-benar memberikan kesejahteraan hidup manusia yang murni.

Lihatlah tukul dari puisi 'Nostalgianya' (hal. 68) yang pernah terbit di akhbar Berita Minggu 17/6/79 dengan tajuk Puisi Kenangan:

tak bisa kulupakan roh kampungku  
walau ditindih tembok batu  
walau di pelamin pembangunan  
walau pusara nenek moyang  
bisu, diam  
terbongkar  
buat padang golf  
buat padang permainan  
bau kota yang bungkam  
pelacur antarabangsa berdandan  
mana bisa kulupakan  
sebuah kampung semanis sirih di usungan.

Menerusi puisi-puisi 'Malam Kota', 'Di Sini', 'Di Kota Ini', 'Impian', 'Singapura' dan beberapa kuntum lagi memperlihatkan suara penyair prolific kita ini tidak sepi-sepi menjadikan kota dan kehidupannya sebagai bahan pengucapan rasa dan fikirnya. Latiff tidak henti-henti menjadi perenung kepada kehidupan masyarakatnya di dalam kota yang semakin membesar dan berkembang.

Melalui 'PRALINA' juga kita melihat Latiff mencari pengertian tentang kewujudan Yang Maha Esa. Dalam 'Cahaya' misalnya kita masih melihat pertanyaan Latiff : benarkah kau ada dalam denyut nafas kami yang tiada? Atau melalui 'Bagaimanakah', kita dapat melihat adanya semacam tembok yang menghalangi hubungan seorang insan dengan Tuhannya:

Bagaimana melihat wajah Dia  
jika ianya dipagari  
oleh selendang cahaya  
yang bisa menghancurkan  
gunung. lautan. seluruh pancaindera.

Tetapi melalui 'Rindu Yang Jatuh' pula, kita dapat melihat pertemuan Latiff itu :

Mencari-Mu dalam sengsara  
Memburu-Mu dalam duka  
akupun menjadi pemuja-Mu  
yang asyik dan alpa.

Salah sebuah dari puisinya yang termuat dalam antologi PRALINA' ini ialah puisi 'PELANGI' yang pernah memenangi hadiah penghargaan sastera bagi tahun penilaian 1979/1980 yang membuat perbincangan tentang serba kekurangan ini. Gambaran manusia menuju kesempurnaan. Kesempurnaan mengikut Latiff kelihatan begitu hampir sehingga dapat dicapai oleh tangan manusia atau oleh pandangan mata tetapi hakikat sebenarnya ia terlalu jauh dan tak terjangkau oleh pancaindera malah pemikiran manusia yang serba kekurangan ini.

Meninjau sepintas pengucapan bahasa dalam puisi-puisi Latiff menerusi 'PRALINA', kita dapat melihat penyerapan unsur-unsur sejarah dan tokoh-tokoh sejarah Melayu silam yang diangkat sebagai perlambangan, metafora dan perbandingan. Penyerapan kata-kata Sang Sapurba, Sang Rajuna Tapa, mengenang kisah todak, Sang Nila Utama, Merong Mahawangsa, Panji Semerang, Patih Karma Wijaya dan Seri Wijaya di samping kata-kata Tuah, Jebat dan Bahaman yang sering diserapkan dalam puisi-puisi sebelum 'PRALINA' menuntut kita menjelajah kisah-kisah silam bagi mendapat pengertian sebenar tentang beban rasa dan fikir Latiff menerusi puisi-puisinya. Pendeknya, membaca 'PRALINA' kita tidak sahaja dapat melihat dan merasa getar jiwa, pengalaman imaginasi dan tanggapan fikir seorang Latiff tentang kehidupan persekitaran dan zamannya tetapi sekali gus kita dapat menikmati sebuah penghasilan tulisan kreatif yang amat puitis.